



TEKS UCAPAN & PERASMIAN

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP KARNIVAL KECEMERLANGAN
MODAL INSAN ILJTM ZON PANTAI TIMUR (KEMILAU) 2025**

**YANG BERBAHAGIA DATUK KETUA
PENGARAH JABATAN TENAGA MANUSIA**

DATUK ROSPIAGOS BIN TAHA

SEMPENA

**KARNIVAL KECEMERLANGAN MODAL INSAN ILJTM
ZON PANTAI TIMUR (KEMILAU) TAHUN 2025
DI KOLEJ TEKNOLOGI TERMAJU (ADTEC) JTM
KAMPUS KEMAMAN**

**DEWAN KULIAH UTAMA
PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC)**

KEMAMAN SABTU, 16 OGOS 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim
Asalamualaikum, Warahmahtullahi Wabarakatuh.
Terima kasih Saudara/i Pengacara Majlis

Yang Berusaha Ts. Zamzuri bin Hassan
Pengarah, ADTEC JTM Kampus Kemaman

Yang Berusaha En. Hamdan bin Hashim
Pengarah, ADTEC JTM Kampus Jerantut

Yang Berusaha Ts. Ahmad Iskandar Bin Sulaiman
Pengarah, ADTEC JTM Kampus Kota Bharu

Yang Berusaha Ts. Muhamad Nasir Bin Samat
Pengarah, ADTEC JTM Kampus Kuala Terengganu

Yang Berusaha Encik Mohd Sukri Bin Musa
Pengarah, ADTEC JTM Kampus Kuantan

Yang Berusaha Ts. Zahari Bin Jusoh
Pengarah, ADTEC JTM Kampus Marang

Yang Dihormati, semua Timbalan-timbalan Pengarah, Ketua-ketua
Kontinjen, Para Pengajar, Para Kakitangan

Seterusnya

Yang Diraikan, semua atlet Karnival Kecemerlangan Modal Insan ILJTM
Zan Pantai Timur (KEMILAU) Tahun 2025

ALUAN DAN UCAPAN TAHNIAH

1. Alhamdulillah, saya panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpahan rahmat dan kurnia-Nya, kita semua dapat berhimpun pada hari yang penuh bermakna pada hari ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ADTEC JTM Kampus Zon Pantai Timur amnya, dan Kolej Teknologi Termaju (ADTEC) JTM Kampus Kemaman khususnya, di atas jemputan dan kesempatan berharga untuk bersama-sama menjayakan **Karnival Kecemerlangan Modal Insan ILJTM Zon Pantai Timur (KEMILAU) Tahun 2025 di ADTEC JTM Kampus Kemaman.**
2. Sejujurnya, saya merasa amat berbesar hati berada di sini, kerana bertemu para atlet hebat dari seluruh ADTEC JTM Zon Pantai Timur yang telah berkumpul selama 3 hari di ADTEC JTM Kampus Kemaman ini bagi merebut kejuaraan dalam acara masing-masing.

Para Hadirin Sekalian,

3. Sebentar tadi, saya sempat menyaksikan sendiri riak wajah para peserta ketika bertanding. Terpancar semangat juang, keterujaan, dan keyakinan walaupun ada yang kelihatan sedikit letih, mungkin akibat perjalanan jauh atau latihan berterusan sejak beberapa minggu lalu. Namun, jelas sekali semangat untuk menjayakan karnival ini mengatasi segalanya.

4. Dalam era yang semakin mencabar ini, saya menyeru agar kita terus memberi sokongan padu kepada usaha kerajaan memajukan sukan sebagai medium pembangunan masyarakat. Sukan bukan sahaja melahirkan bakat baharu, tetapi juga meningkatkan tahap kesihatan, kecergasan fizikal, dan kesejahteraan mental di kalangan setiap warganya.
5. Sejak penggubalan **Dasar Sukan Negara** pada 20 Januari 1988 berteraskan konsep "**Sukan untuk Semua**", kerajaan berhasrat menjadikan sukan sebagai pemangkin kepada pertandingan sihat, perpaduan, sikap toleransi, dan persefahaman. Justeru, penganjuran karnival ini selaras dengan aspirasi tersebut, membuktikan bahawa sukan mampu menjadi jambatan yang mengeratkan hubungan serta memupuk nilai murni.
6. Saya berharap semangat kesukanan yang dipupuk melalui karnival ini menjadi asas kukuh untuk membangunkan individu secara holistik kerana kecemerlangan boleh diukur bukan sahaja melalui pencapaian akademik, tetapi juga melalui kepimpinan, kemahiran teknikal, seni, dan tentunya kecemerlangan dalam arena sukan.

Para Hadirin Yang di Hormati Sekalian,

7. Kepada seluruh warga ADTEC JTM, saya ingin mengucapkan tahniah atas usaha dan kejayaan yang telah diraih sehingga hari ini. Teruslah melangkah ke hadapan dengan semangat, disiplin, dan daya saing tinggi dalam menghadapi cabaran dunia yang kian kompleks. Dan ingatlah..kesihatan kita adalah aset utama.. peliharalah ia sebaik mungkin.

8. Aktiviti sukan adalah kunci penting untuk menjaga keseimbangan kesihatan fizikal dan mental. Dalam suasana hari ini, apabila isu kesihatan mental - termasuk dalam kalangan penjawat awam - semakin membimbangkan dan sering menjadi tajuk utama, bersukan menjadi salah satu langkah terbaik untuk kita kekal sihat, cergas, dan berdaya tahan.

9. Justeru itu, penglibatan aktif dalam sukan dan riadah mampu memastikan kita kekal cergas, fokus, dan berdaya tahan ketika melaksanakan tanggungjawab. Sukan bukan sahaja menyihatkan tubuh, malah mencerdaskan minda serta membentuk daya tahan emosi yang kuat.

Hadirin sekalian,

10. Saya percaya semua atlet yang bertanding sudah tentu telah menampilkan prestasi terbaik dengan semangat profesionalisme tinggi. Menang atau kalah adalah adat pertandingan, namun yang paling penting adalah nilai, pengalaman, pengajaran dan kenangan yang dibawa pulang.

11. Tahniah dan syabas kepada tuan rumah kali ini atas kejayaan menganjurkan karnival dengan begitu cemerlang. Kepada tuan rumah seterusnya, saya percaya anda juga mampu melakar kejayaan yang sama, malah mungkin lebih baik..

12. Akhir kata, sekali lagi, sekalung penghargaan saya zahirkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memastikan lakaran kejayaan terukir di pentas **Karnival Kecemerlangan Modal Insan ILJTM Zon Pantai Timur (KEMILAU) Tahun 2025** di ADTEC JTM Kampus Kemaman ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim,
saya dengan penuh syukur merasmikan Majlis Penutup
**Karnival Kecemerlangan Modal Insan ILJTM Zon Pantai Timur
(KEMILAU) Tahun 2025**

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

-TAMAT-